



EMPA-KIDNEY

The study of heart and kidney protection
with empagliflozin

Surat Berita Peserta EMPA-KIDNEY

19 Mac 2020

Kepada semua peserta EMPA-KIDNEY,

Terima kasih diatas masa dan usaha anda dalam penglibatan kajian EMPA-KIDNEY. Anda adalah salah seorang daripada lebih **5000 orang yang telah disaring**. Secara global, kami mempunyai lebih daripada **3000 peserta yang telah memasuki fasa perawakan** didalam kajian, jadi kami menghampiri separuh sasaran untuk pengambilan 6000 peserta. Berikut adalah ringkasan peristiwa penting yang menarik.

Peserta ke-1 yang disaring: 1 Februari 2019

Peserta ke-1 yang dirawak: 15 Mei 2019

Peserta ke-5,000 yang disaring: 6 Mac 2020

Peserta ke-3,000 yang dirawak: 17 Mac 2020

Dengan bantuan anda, kami akan dapat menjawab soalan klinikal yang penting sama ada pengambilan pil tunggal empagliflozin pada setiap hari dapat mengelakkan kemerosatan penyakit buah pinggan daripada kematian disebabkan oleh penyakit jantung dalam masyarakat yang mempunyai penyakit buah pinggan kronik.

Berita kajian akan terus disiarkan di

www.empakidney.org

Covid-19 (Coronavirus)

Informasi kepada peserta

Cabarhan terbaru yang dihadapi oleh kita semua adalah pandemik Covid-19. Ia telah menjelaskan peserta dan kakitangan EMPA-KIDNEY dalam pelbagai cara. Sesetengah daripada anda tidak dapat menghadiri lawatan perawakan anda, dan kami dapat menawarkan anda peluang untuk disaring semula setelah pandemik selesai, supaya anda masih dapat mengambil bahagian.

Bagi anda yang telah dirawak, anda mungkin diminta untuk mengatur semula lawatan susulan kajian. Kami menghargai keprihatinan anda semasa diwaktu kesukaran ini.

Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu dan risau / bimbang bahawa anda mungkin kehabisan ubat kajian, jangan panik. Secara am, ianya selamat untuk menghentikan pengambilan ubat kajian tanpa perlu berjumpa dengan doktor tempatan anda. Walau bagaimanapun, jika anda berasa bimbang, hubungilah doktor tempatan atau klinik kajian anda. Kami akan membuat pengaturan semula untuk berjumpa dengan anda di klinik kajian sebaik sahaja keadaan Covid-19 membenarkan. Anda boleh meneruskan ubat kajian, tetapi jika anda dimasukkan ke hospital, anda mungkin diminta untuk menghentikan pengambilan ubat kajian sehingga keadaan anda stabil. Pengambilan ubat kajian boleh dimulakan semula apabila keadaan anda baik, kecuali jika diberitahu oleh doktor anda sebaliknya.

Sila ambil perhatian bahawa kami sedang sibuk membuat persiapan supaya tinjau selidik anda dapat dilakukan melalui telefon. Dalam beberapa minggu yang akan datang, di rantau tertentu, kami berhasrat menyediakan perkhidmatan penghantaran ubat kajian kepada anda. Ini adalah langkah sementara, dan apabila Covid-19 telah pulih, kunjungan secara bersemuka akan diteruskan seperti biasa.

Anda perlu menghubungi pasukan kajian setempat anda mengenai pertanyaan yang berkaitan dengan kajian, tetapi jika anda mempunyai sebarang pertanyaan khusus dengan segera mengenai kajian dan tidak dapat menghubungi mereka, sila jangan ragu-ragu untuk menghubungi pejabat pusat di talian bebas 0808 1644060 (UK) atau 0044 808 1644060 di luar UK).

MRC

Population Health
Research Unit



UNIVERSITY OF
OXFORD